

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN)

TARIKH : 15 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kedudukan perselisihan dasar kabotaj yang dikecualikan untuk pemasangan tetapi bukan pembaikan semula kabel digital bawah laut dan sejauh manakah impaknya ke atas kedaulatan negara apabila perkara ini menjejaskan pelaburan sebanyak RM15 billion yang didedahkan oleh bekas Pengerusi MDEC.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Kabotaj merupakan satu dasar perlindungan yang diguna pakai di kebanyakan negara di dunia bertujuan untuk melindungi industri maritim dan perkapalan negara. Di Malaysia, Dasar Kabotaj merupakan dasar yang mengkhususkan pengangkutan kargo di antara pelabuhan-pelabuhan tempatan dan penyediaan perkhidmatan perkapalan di perairan Malaysia dan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) negara kepada kapal-kapal yang didaftarkan di Malaysia sahaja. Dasar Kabotaj bagi perkapalan domestik telah dilaksanakan di Malaysia sejak tahun 1980. Namun, pelaksanaan Dasar Kabotaj di Malaysia adalah lebih liberal berbanding negara lain di rantau ini kerana kapal-kapal asing masih boleh beroperasi di perairan Malaysia bagi memenuhi kekangan yang dihadapi oleh industri perkapalan negara setelah mendapat pengesahan ketiadaan kapal tempatan dan Lesen Perkapalan Dalam Negeri (DSL).

Untuk makluman Yang Berhormat, pemasangan atau pendaratan kabel dan pembaikan kabel di perairan Malaysia adalah merupakan aktiviti perkapalan domestik. Namun, kedua-dua aktiviti tersebut adalah dua (2) aktiviti yang berbeza. Justeru, tiada sebarang perselisihan berhubung pelaksanaan pengecualian Dasar Kabotaj yang diberikan kepada aktiviti pembaikan kabel pada tahun 2019 adalah mulai 1 April 2019. Pengecualian yang diberikan berikutan isu kelewatan pengeluaran DSL yang pada masa itu hanyalah merujuk kepada pengecualian ke atas proses pengesahan ketiadaan kapal tempatan yang perlu diperolehi oleh kapal asing yang ingin memohon untuk mendapatkan DSL.

Namun demikian, Kementerian Pengangkutan sentiasa komited untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan. Susulan penaiktarafan *Sistem Electronic DSL (eDSL)* dan penambahbaikan prosedur permohonan DSL, isu kelewatan ke atas pengeluaran DSL telah berjaya diatasi secara drastik iaitu dari 35 hari kepada 3 hari bekerja. Berikutan itu, pemberian pengecualian tersebut telah dibatalkan berkuatkuasa mulai 15 November 2020 setelah turut mengambil kira

justifikasi-justifikasi yang pernah dimaklumkan dalam Dewan Rakyat sebelum ini.

Dimaklumkan juga bahawa Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia bersependapat bahawa terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi penglibatan atau ketidaklibatan Malaysia dalam sesuatu projek pelaburan asing dalam industri digital di Malaysia. Faktor-faktor tersebut antara lainnya adalah seperti tawaran yang diberikan dan syarat yang ditetapkan pelabur. Oleh yang demikian, adalah tidak wajar untuk menjadikan Dasar Kabotaj sebagai satu faktor penyebab Malaysia kehilangan pelaburan sebanyak RM 15 billion. Ini kerana Dasar Kabotaj tidak pernah menghalang kemasukan pelaburan asing dalam industri digital. Pelaksanaan projek kabel dasar laut baharu seperti *MIST Cable System* dan *India-Asia Xpress (IAX) Cable System* adalah dilaksanakan semasa Dasar Kabotaj berkuatkuasa.

Kerajaan mengambil perhatian terhadap keperluan untuk mengimbangi inisiatif dan usaha pelaburan digital pihak luar dengan usaha-usaha membina kapasiti industri perkapalan tempatan; mengurangkan kebergantungan negara kepada kapal asing serta memastikan keselamatan dan kedaulatan negara terjamin agar tidak menjejaskan kepentingan negara. Maka, Jemaah Menteri pada 8 Oktober 2021 telah bersetuju untuk mengekalkan keputusan pembatalan pengecualian tersebut berdasarkan faktor kedaulatan dan keselamatan negara serta komitmen Kementerian Pengangkutan untuk terus meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan dalam permohonan DSL.